



**PUSPAKOM**

Your Safety, Our Priority

Ahli Kumpulan

**DRB-HICOM**

12 Julai 2021  
**Kenyataan Media**

### **OPERASI PEMERIKSAAN PUSPAKOM DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)**

**Shah Alam, 12 Julai 2021** – Sebagai makluman yang lebih jelas kepada orang ramai berhubung dengan operasi pemeriksaan PUSPAKOM dalam Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), berikut adalah status operasi Pusat Pemeriksaan PUSPAKOM.

Di Selangor hanya **PUSPAKOM SG. BESAR SAHAJA BEROPERASI** sementara semua Pusat Pemeriksaan PUSPAKOM yang lain di Selangor termasuk Perkhidmatan Bergerak di daerah Lembah Klang **TIDAK BEROPERASI** sehingga 16 Julai 2021.

Manakala di Negeri Sembilan, PUSPAKOM Seremban **TIDAK BEROPERASI** sehingga 22 Julai 2021. (Sila rujuk lampiran.)

Bagi pelanggan yang telah membuat temujanji di cawangan PUSPAKOM yang tidak beroperasi, semua bayaran temujanji akan dikembalikan secara automatik.

Untuk makluman orang ramai, semua Pusat Pemeriksaan PUSPAKOM seluruh negara termasuk Perkhidmatan Bergerak yang **tidak dikategorikan di dalam kawasan PKPD KEKAL BEROPERASI seperti biasa**.

#### **Tiada Pemeriksaan Secara *Walk-in***

Untuk pusat pemeriksaan yang beroperasi, hanya pelanggan yang mempunyai temujanji sahaja dibenarkan untuk pemeriksaan mengikut tarikh, masa dan tempat yang telah dipilih. Tiada perkhidmatan memeriksa akan diberikan kepada pelanggan walk-in.

Para pelanggan yang hadir pemeriksaan disarankan untuk sentiasa mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan dan memastikan MySejahtera diimbas sebelum masuk ke premis PUSPAKOM. **PUSPAKOM berhak mlarang masuk mana-mana pelanggan yang gagal mematuhi arahan yang ditetapkan.**



**PUSPAKOM**

Your Safety, Our Priority

Ahli Kumpulan

**DRB-HICOM**

Segala perubahan tentang operasi PUSPAKOM (sama ada beroperasi semula atau penutupan dilanjutkan) adalah berdasarkan pengumuman terkini Kerajaan. Orang ramai boleh mengikuti Facebook PUSPAKOM Sdn Bhd atau melayari [www.puspakom.com.my](http://www.puspakom.com.my) untuk mendapatkan maklumat terkini berhubung operasi PUSPAKOM dari semasa ke semasa.

### Lampiran

#### Pusat Pemeriksaan di Selangor

- **PUSPAKOM Sg. Besar (Buka)**
- PUSPAKOM Padang Jawa (Tutup)
- PUSPAKOM Glenmarie (Tutup)
- PUSPAKOM Pandan Mewah (Tutup)
- PUSPAKOM Shah Alam (Tutup)
- PUSPAKOM Batu Caves (Tutup)
- PUSPAKOM Bangi (Tutup)
- PUSPAKOM Banting (Tutup)
- PUSPAKOM Petaling Jaya (Tutup)

#### Pusat Pemeriksaan di Negeri Sembilan

- PUSPAKOM Seremban (Tutup)



**PUSPAKOM**

Your Safety, Our Priority

Ahli Kumpulan

**DRB-HICOM**

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

**Leong Pei Yee**

Ketua, Jabatan Komunikasi dan Khidmat Pelanggan

PUSPAKOM

Tel: 03-2052 7465

**Mohd Izzat Intanjudin**

Eksekutif Kanan, Jabatan Komunikasi dan Khidmat Pelanggan

PUSPAKOM

Tel: 03-2052 7464

**Elly**

Jabatan Komunikasi dan Khidmat Pelanggan

PUSPAKOM

Tel: 03-2052 7322



**PUSPAKOM**

Your Safety, Our Priority

Ahli Kumpulan

**DRB-HICOM**

## **MENGENAI PUSPAKOM**

**Puspakom Sdn Bhd (PUSPAKOM)** merupakan syarikat pemeriksaan kenderaan yang pertama dan satu-satunya yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia untuk menjalankan semua pemeriksaan mandatori bagi kedua-dua kenderaan komersial dan persendirian. Ditubuhkan pada tahun 1994, kami adalah anak syarikat milik penuh DRB-HICOM Berhad.

Peranan utama kami adalah untuk menjalankan pemeriksaan ke atas kenderaan untuk membantu pemilik kenderaan dalam memastikan kenderaan berada di dalam keadaan yang selamat untuk dipandu di atas jalan raya serta memastikan pemilik kenderaan mematuhi peraturan-peraturan dalam memelihara alam sekitar melalui ujian pelepasan asap. Ini akan dilakukan melalui pemeriksaan yang ketat dan teliti terhadap kenderaan untuk memastikan mereka mematuhi peraturan keselamatan Kerajaan.

Setiap tahun, PUSPAKOM menjalankan lebih daripada 3 juta pemeriksaan kenderaan. PUSPAKOM mempunyai rangkaian di seluruh negara di 54 pusat pemeriksaan yang dilengkapi peralatan yang diiktiraf dan dikalibrasi oleh pihak berkaitan dari semasa ke semasa. Selain itu, PUSPAKOM juga mempunyai lebih daripada 25 pemeriksaan secara lawatan yang menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan di kawasan kurang penduduk dan di luar Bandar.

Perkhidmatan Pemeriksaan Bergerak PUSPAKOM terdiri daripada Unit Bergerak Trak, Unit Bergerak Van dan Unit Bergerak Ringan, menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan dari pintu ke pintu kepada pelanggan individu dan korporat kami. Kami bangga memberikan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan yang cepat, cekap dan tepat secara profesional.